

Analisis Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Johor Ke-16: Analisis Empirikal Terhadap Pola Pengundian dan Perubahan Sokongan Berasaskan Data Kuantitatif

Oleh: Alif Fahmi Zahari

Penafian

Kertas penulisan ini merupakan pandangan ringkas oleh penyelidik/ penulis atas kapasiti individu bagi tujuan menggalakkan percambahan idea serta diskusi berkaitan isu semasa dan perkara-perkara dasar. Ia tidak semestinya mencerminkan pendirian rasmi Lubna Research Center (LUBNA). Segala kekhilafan adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

Penulisan ini ditulis dan disediakan oleh **Alif Fahmi Zahari**, penyelidik di Lubna Research Center.

Penyelidik boleh dihubungi melalui;
work@lubnaresearch.com

Rujukan – Sila rujuk karya ini seperti berikut: Alif Fahmi Zahari. 2026. *Analisis Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Johor Ke-16: Analisis Empirikal Terhadap Pola Pengundian dan Perubahan Sokongan Berasaskan Data Kuantitatif*. Kuala Lumpur: Lubna Research Center (LUBNA).

Maklumat lanjut berkenaan profil, penerbitan dan penulisan **Lubna Research Center (LUBNA)** boleh didapati di laman web yang berikut;
www.lubnaresearchcenter.com



(Gambar: Akhbar tempatan)

Ringkasan Eksekutif

Analisis ini meneliti keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor ke-16 dengan memberi tumpuan kepada faktor yang menyumbang kepada peningkatan dominasi Barisan Nasional (BN) serta kemerosotan penguasaan Pakatan Harapan (PH), khususnya *Democratic Action Party* (DAP) di beberapa kawasan yang sebelum ini menjadi kubu PH.

Dapatan utama menunjukkan bahawa kekalahan PH-DAP di beberapa kerusi seperti Jementah, Tangkak dan Johor Jaya bukan berpunca daripada penyusutan ketara sokongan pengundi Cina.

Sebaliknya, PH masih merekodkan peningkatan peratus undi antara 1% hingga 3% menunjukkan bahawa sokongan asas PH kekal relatif stabil. Perubahan keputusan lebih berkait dengan peningkatan sokongan kepada BN yang mencatat pertambahan antara 8% hingga 18%, terutamanya hasil perubahan pola sokongan selepas penyusutan prestasi Perikatan Nasional (PN) dan parti-parti lain.

Analisis turut menunjukkan bahawa perubahan struktur demografi pengundi, khususnya pertambahan pengundi muda Melayu berusia 18 hingga 29 tahun menjadi salah satu faktor yang berpotensi mempengaruhi keseimbangan politik di kawasan yang mempunyai komposisi etnik lebih seimbang. Pertambahan pengundi baharu ini mengubah konfigurasi elektoral walaupun tidak semestinya menunjukkan penolakan besar terhadap DAP dalam kalangan pengundi Cina.

Selain itu, penelitian terhadap pola peralihan undi menunjukkan bahawa BN merupakan pihak yang paling mendapat manfaat daripada perubahan sokongan daripada PN dan parti-parti lain. Dalam pertandingan dua penjuru antara BN dan PH, BN turut menunjukkan kelebihan kompetitif dengan memperoleh sokongan melebihi 60% undi di sebahagian besar kawasan yang dianalisis.

Analisis juga mencabar andaian bahawa kawasan dengan komposisi pengundi Cina yang tinggi secara automatik memberikan kelebihan kepada PH. Sebaliknya, keputusan PRU Dewan Negeri Johor ke-16 menunjukkan bahawa tahap keseimbangan komposisi etnik dan keupayaan parti membina sokongan merentas kaum merupakan faktor yang lebih penting dalam menentukan kemenangan.

Secara keseluruhan, kebangkitan BN dalam PRU Dewan Negeri Johor ke-16 bukan semata-mata disebabkan oleh penolakan terhadap PH, tetapi hasil gabungan beberapa faktor iaitu pemindahan sokongan daripada parti lain, perubahan struktur pengundi baharu, pengurangan kesan pecahan undi serta keupayaan BN membentuk sokongan merentas kumpulan etnik.

Penolakan Undi Cina Tidak Signifikan Kepada DAP

Terdapat empat kerusi yang sebelum ini dimiliki oleh PH-DAP telah beralih kepada BN. Namun, penolakan undi etnik Cina ini dinilai melalui tiga DUN di bawah yang telah beralih kepada BN-MCA dalam pilihan raya kali ini iaitu DUN Jementah, Tangkak dan Johor Jaya.

DUN	PU PH (2022)	PU BN (2022)	PU PH (2026)	PU BN (2026)
Jementah	40.9%	37.6%	42.9%	46.3%
Tangkak	40.8%	38.9%	43.6%	56.4%
Johor Jaya	41.7%	37.7%	42.9%	53.8%

Jadual 1: PU (Peratus Undi)

Berdasarkan Jadual 1, peratus undi PH hanya meningkat secara marginal sekitar 1% hingga 3% di ketiga-tiga DUN tersebut. Sebaliknya, BN mencatatkan peningkatan yang lebih signifikan dengan pertambahan peratus undi sekitar 8% hingga 18%. Peningkatan sokongan terhadap BN ini berkemungkinan besar dipengaruhi oleh pemindahan undi daripada PN dan parti-parti lain berbanding pilihan raya sebelumnya pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, perubahan peratus undi tersebut perlu dianalisis dengan lebih mendalam dengan mengambil kira pertumbuhan pengundi baharu, khususnya dalam kalangan pengundi muda melalui saluran 18 hingga 29 tahun.

DUN	PENGUNDI MELAYU (18-29)	PENGUNDI CINA (18-29)
Jementah	10.1%	6.8%
Tangkak	11.6%	9%
Johor Jaya	12.1%	9.6%

Jadual 2: Peratus Pengundi Melayu dan Cina (18-29 tahun) di DUN Jementah, Tangkak dan Johor Jaya

Berdasarkan Jadual 2, komposisi pengundi Melayu dalam kategori umur 18-29 tahun menunjukkan peningkatan yang berkemungkinan besar didorong oleh pertambahan pengundi baharu. Dapatan ini turut menunjukkan bahawa perubahan sokongan dalam kalangan pengundi etnik Cina di ketiga-tiga DUN tersebut tidak begitu ketara.

Pun begitu, pertambahan pengundi muda dalam julat umur 18-29 tahun merupakan salah satu faktor sampingan yang mempengaruhi kekalahan PH-DAP di ketiga-tiga DUN tersebut. Hal ini kerana peningkatan komposisi pengundi Melayu berusia 18-29 tahun adalah lebih tinggi berbanding peningkatan pengundi Cina dalam kumpulan umur yang sama. Perubahan demografi ini berpotensi mempengaruhi corak sokongan pengundi muda, khususnya dalam kawasan yang mempunyai komposisi etnik yang lebih seimbang. Dengan kata lain, kekalahan PH-DAP di ketiga-tiga kawasan tersebut bukan berpunca daripada penyusutan ketara sokongan pengundi Cina terhadap DAP, sebaliknya lebih berkait dengan pertambahan pengundi Melayu baharu yang berpotensi mengubah keseimbangan sokongan politik di kawasan berkenaan.

Walau bagaimanapun, analisis terhadap pemindahan undi adalah lebih tepat sekiranya dinilai berdasarkan perubahan peratusan undi berbanding jumlah undi mentah yang diperoleh oleh setiap parti. Hal ini kerana ketiga-tiga DUN tersebut mencatatkan kadar keluar mengundi yang tinggi, sekali gus boleh mempengaruhi peningkatan atau penurunan jumlah undi secara keseluruhan. Oleh itu, penggunaan peratus undi memberikan ukuran yang lebih objektif dalam menilai pola pemindahan atau perubahan sokongan pengundi antara parti.

Penyusutan Undi PN Memberi Kelebihan Strategik Kepada BN

Bagi mengenal pasti peratus swing undi daripada PN dan parti-parti lain, analisis akan dibuat dengan menggunakan pendekatan perbandingan keputusan pilihan raya, khususnya melalui simulasi pertembungan dua penjuru antara BN dan PH serta penelitian terhadap perubahan corak sokongan dalam beberapa siri pilihan raya terdahulu.

DUN	PERTAMBAHAN UNDI BN	PERTAMBAHAN UNDI PH
Buloh Kasap	15%	5%
Bekok	11.9%	11.5%
Tangkak	17.5%	2.7%
Bentayan	15.4%	-0.4%
Yong Peng	7.3%	1.7%
Parit Yaani	23.5%	0.7%
Penggaram	21.1%	1%
Machap	23.7%	19.7%
Mengkibol	16.3%	-4%
Tanjung Surat	23.6%	4.1%
Benut	23.8%	6.2%
Pulai Sebatang	20.5%	4.9%
Pekan Nanas	20.7%	-1.1%
Kukup	12%	10.8%

Jadual 3: Perbandingan Peralihan Undi PN dan Parti Lain kepada BN dan PH

Jadual 3 menunjukkan bahawa peralihan undi dari PN dan parti-parti lain kepada BN dan PH pada PRU Dewan Negeri Johor ke-16 lalu. Melalui dapatan ini, sebanyak 14 kerusi telah dianalisis bagi melihat trend perubahan undi tersebut. Didapati bahawa BN paling menguntungkan kerana 13 kerusi mencatatkan pertumbuhan melebihi 10% undi PN dan parti lain kepada BN dan hanya Yong Peng sahaja mencatatkan peratusan di bawah 10%. Manakala, PH hanya mencatatkan tiga kerusi sahaja di atas 10%. Pun begitu, DUN Machap mempunyai konteks yang berbeza kerana PH tidak bertanding di kawasan tersebut dalam PRU Dewan Negeri Johor ke-15 yang lalu.

Pertandingan Dua Penjuru Mengukuhkan Dominasi BN Berbanding PH

DUN	PERATUS UNDI BN - 2026	PERATUS UNDI PH - 2026	KERUSI DUN 2022	KERUSI DUN 2026
Buloh Kasap	72%	28%	BN	BN
Bekok	63.2%	36.8%	BN	BN
Tangkak	56.5%	43.5%	PH	BN
Bentayan	64.1%	35.9%	PH	PH
Yong Peng	60.2%	39.8%	BN	BN
Parit Yaani	62%	38%	BN	BN
Penggaram	45.4%	54.6%	PH	PH
Machap	80.3%	19.7%	BN	BN
Mengkibol	45.1%	54.9%	PH	PH
Tanjung Surat	90.5%	9.5%	BN	BN
Benut	86.9%	13.1%	BN	BN
Pulai Sebatang	70.5%	29.5%	BN	BN
Pekan Nanas	72.2%	27.8%	BN	BN
Kukup	72.3%	27.7%	BN	BN

Jadual 4: Perbandingan Dua Penjuru antara BN dan PH

Berdasarkan Jadual 4, pertandingan dua penjuru jelas memberikan kelebihan kepada BN berbanding PH. Corak keputusan menunjukkan bahawa BN memperoleh pertambahan sokongan yang jauh lebih besar berbanding PH yang berkemungkinan disumbangkan oleh peralihan undi daripada penyokong PN dan parti-parti lain. Dianggarkan terdapat 11 DUN dalam kategori pertandingan dua penjuru yang mencatatkan peratus undi kepada BN melebihi 60% undi. Sebaliknya, sokongan kepada PH secara umumnya dicatatkan lebih rendah dengan kebanyakan DUN merekodkan kurang daripada 40% undian.

Berdasarkan dapatan tersebut, pertandingan dua penjuru didapati mengurangkan bilangan kerusi PH yang berjaya dirampas oleh BN berbanding situasi pertandingan yang melibatkan lebih daripada dua penjuru. Namun demikian, BN tetap mencatatkan prestasi lebih baik dengan memenangi kesemua kerusi yang menyaksikan pertandingan dua penjuru. Hal ini menunjukkan bahawa ketiadaan calon PN berkemungkinan memberikan kelebihan relatif kepada BN,

khususnya apabila sebahagian undi yang sebelum ini menyokong PN beralih kepada BN, termasuk di DUN Tangkak yang berubah daripada PH kepada BN.

Adakah Kawasan Komposisi Pengundi Cina Yang Tinggi Menguntungkan PH?

Komposisi pengundi etnik Cina yang tinggi sering dikaitkan sebagai salah satu faktor yang memberikan kelebihan kepada PH dalam persaingan pilihan raya. Namun demikian, keputusan PRU Dewan Negeri Johor ke-16 menunjukkan bahawa kawasan dengan komposisi pengundi Cina yang tinggi tidak lagi menjadi kelebihan mutlak kepada PH apabila BN turut berjaya menembusi beberapa kawasan tersebut melalui parti komponennya iaitu MCA.

Fenomena ini dapat dianalisis dengan lebih mendalam melalui perbandingan margin perbezaan komposisi pengundi Cina dan Melayu yang menunjukkan hubungan antara keseimbangan demografi etnik dengan kebarangkalian kemenangan BN atau PH.

DUN	PERATUS UNDI CINA	PERATUS UNDI MELAYU	MARGIN BEZA	MAJORITI MENANG	KOALISI MENANG
Johor Jaya	45.50%	40.10%	5.40%	7,268	BN
Tangkak	46.70%	41.20%	5.50%	3,182	BN
Jementah	49.20%	41.80%	7.40%	913	BN
Perling	46.90%	37%	9.90%	1,611	BN
Stulang	52.70%	38.80%	13.90%	623	PH
Bukit Batu	52.20%	37.80%	14.40%	174	BN
Puteri Wangsa	51.60%	36.30%	15.30%	5,744	PH
Bekok	47.40%	30%	17.40%	4,263	BN
Yong Peng	56.80%	35.20%	21.60%	4,603	BN
Penggaram	60.30%	36.60%	23.70%	4,137	PH
Mengkibol	55.90%	30.30%	25.60%	4,213	PH
Senai	55.10%	29.50%	25.60%	3,595	PH
Skudai	61.10%	22.40%	38.70%	15,280	PH
Bentayan	70%	27%	43%	6,112	PH

Jadual 5: DUN Diwakili Majoriti Cina dan Melayu

Berdasarkan Jadual 5, DUN yang mempunyai majoriti pengundi etnik Cina tidak semestinya memberikan kelebihan kepada PH. Daripada 14 DUN yang mempunyai peratus pengundi Cina tertinggi, tujuh berjaya dimenangi oleh BN. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemenangan PH bukan sahaja bergantung pada sama ada sesuatu DUN mempunyai majoriti pengundi Cina, tetapi turut dipengaruhi oleh jurang komposisi etnik antara pengundi Cina dan Melayu.

Sebagai contoh, di DUN Johor Jaya, pengundi Cina merangkumi 45.5% daripada keseluruhan pengundi, manakala pengundi Melayu hanya 5.4% lebih rendah. Jurang yang kecil ini menjadikan komposisi etnik lebih seimbang, sekali gus membuka ruang kepada BN untuk membentuk gabungan sokongan merentas etnik. Hasilnya, BN berjaya memenangi kerusi tersebut dengan majoriti sebanyak 7,268 undi.

Sebaliknya, di DUN Bentayan, pengundi Cina membentuk kira-kira 70% daripada keseluruhan pengundi, manakala pengundi Melayu hanya sekitar 27%. Ini mewujudkan jurang sebanyak 43% antara kedua-dua kumpulan etnik, sekali gus memberikan kelebihan demografi yang ketara kepada PH. Dengan komposisi sedemikian, PH berjaya mengekalkan penguasaan di DUN Bentayan.

Dalam keadaan tersebut, BN masih berupaya memenangi DUN yang mempunyai majoriti pengundi etnik Cina sekiranya jurang komposisi pengundi Cina dan Melayu tidak terlalu besar. Dengan kata lain, keseimbangan komposisi etnik membolehkan BN membentuk gabungan sokongan merentas kaum yang mencukupi untuk mengatasi kelebihan demografi PH.

Walau bagaimanapun, DUN Stulang dan Puteri Wangsa memperlihatkan keunikan yang berbeza. Di kedua-dua kawasan ini, pertandingan empat dan lima penjurua menyebabkan berlakunya pemecahan undi, sekali gus mewujudkan situasi yang lebih menguntungkan PH. Sebaliknya, DUN Bukit Batu turut menyaksikan pertandingan lima penjurua, namun memberikan keputusan yang berbeza apabila pemecahan undi akhirnya membolehkan BN menewaskan PH. Dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan penjurua pertandingan semata-mata tidak menentukan keputusan pilihan raya, sebaliknya kesan perpecahan undi bergantung kepada pola agihan sokongan pengundi kepada setiap parti yang bertanding.

Kesimpulan

Kesimpulannya, keputusan PRU Dewan Negeri Johor ke-16 menunjukkan bahawa perubahan politik negeri Johor tidak boleh dijelaskan semata-mata melalui faktor sokongan etnik atau kemerosotan undi PH. Walaupun PH-DAP kehilangan beberapa kerusi penting kepada BN, data menunjukkan bahawa sokongan asas PH masih kekal stabil, khususnya melalui peningkatan peratus undi di beberapa kawasan.

Sebaliknya, faktor utama yang mengubah landskap persaingan ialah peningkatan sokongan kepada BN hasil perubahan pola undi selepas penyusutan pengaruh PN dan parti-parti lain. BN berjaya menukar kelebihan tersebut kepada kemenangan melalui keupayaan menarik sokongan lebih luas, khususnya di kawasan yang mempunyai komposisi etnik lebih seimbang.

Pada masa sama, perubahan demografi pengundi muda menjadi faktor penting yang perlu diberi perhatian. Pertambahan pengundi Melayu muda telah mengubah struktur pemilih di beberapa kawasan dan berpotensi mempengaruhi arah sokongan politik pada masa hadapan.

PRU Dewan Undangan Negeri Johor ke-16 memperlihatkan bahawa formula kemenangan pilihan raya semakin bergantung kepada keupayaan parti membina gabungan sokongan merentas etnik, mengurus perubahan demografi, serta memanfaatkan peralihan sokongan daripada pesaing politik. Dalam konteks negeri Johor, dominasi BN bukan hanya berpunca daripada kelemahan PH, tetapi juga daripada keupayaan BN menyesuaikan diri dengan perubahan landskap politik negeri.
